

SOROTAN AWAL FALSAFAH ILMU ISLAM: PERMASALAHAN, PENSEJARAHAN, DEFINISI DAN SUMBER ILMU DALAM ISLAM

**Amar Ismat Mohd Nasir¹, Norsaleha Mohd Salleh¹, Phayilah Yama¹,
Mohd Khafidz Soroni¹**

¹Institut Kajian Hadis dan Akidah, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Amar Ismat Mohd Nasir. Institut Kajian Hadis dan Akidah, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
Email: 21mt04005@student.kuis.edu.my.

Abstrak

Zaman pasca-moden kini telah menghilangkan naratif besar seperti ilmu dan kebenaran yang mengakibatkan berlakunya krisis pemikiran seperti ateisme, agnostik dan liberalisme dalam kalangan umat Islam. Antara punca permasalahan ini berlaku adalah berpunca daripada persoalan falsafah ilmu. Ilmu hanya dinilai dengan metode saintifik sahaja dianggap sebagai absah yang menyebabkan ilmu-ilmu lain seperti ilmu agama dilihat kuno, kolot, tidak saintifik serta tidak serasi dengan perkembangan zaman. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis falsafah ilmu menurut perspektif Islam dari aspek permasalahan, pensejarahan, definisi dan sumber ilmu. Falsafah ilmu Islam yang berpaksikan kesepaduan antara wahyu dan akal boleh menjadi panduan awal dalam menghadapi krisis keilmuan yang berlaku dalam zaman paca-moden. Kajian ini yang menggunakan metodologi analisi kandungan terhadap kitab-kitab yang menghimpunkan aspek-aspek falsafah ilmu. Kajian mendapati falsafah ilmu Islam bersifat bersepadu dan menyeluruh, serta menggabungkan elemen agama dan falsafah berdasarkan *framework* al-Quran. Selain itu falsafah ilmu Islam juga mencakupi bidang ilmu yang luas termasuk perkara berkait ketuhanan dan keagamaan.

Kata kunci: Falsafah ilmu, epistemologi, kesepaduan, akal, wahyu

EARLY VIEWS ON ISLAMIC PHILOSOPHY OF KNOWLEDGE: PROBLEMS, HISTORY, DEFINITIONS AND SOURCES OF KNOWLEDGE IN ISLAM

Abstract

The post-modern age has discarded great narratives such as knowledge and truth which led to crisis of thought such as atheism, agnosticism and liberalism among Muslims. Among the causes surrounding crisis is the epistemological issues. Knowledge that is acquired through scientific methods only is considered valid which causes other knowledge such as religious knowledge to be seen as ancient, old-fashioned, unscientific and incompatible with the development of the times. This study aims to analyze the philosophy of knowledge according to the Islamic perspective from the aspects of problems, historiography, definitions and sources of knowledge. The Islamic philosophy of knowledge that is centered upon the unity of revelation and reason can be an initial guide in facing the epistemic crisis within the post-modern era. This study uses the of content analysis methods towards books that bring together aspects of the philosophy of science. The study finds that the Islamic philosophy of knowledge to be integrated, comprehensive, and combines religio-philosophy based on the framework of the Quran. In addition, the philosophy of Islamic knowledge also covers a wide field of knowledge including matters related to divinity and religion.

Keywords: Philosophy of knowledge, epistemology, integration, reason, revelation

Received: May 29, 2024

Accepted: June 24, 2024

Online Published: June 30, 2024

1. Pendahuluan

Persoalan tentang ilmu merupakan persoalan penting dalam kehidupan manusia dan merupakan salah satu aspek yang menyempurnakan hakikat kemanusiaan. Ini dinyatakan oleh al-Raghib al-Isfahānī (2010) bahawa manusia diciptakan daripada jisim yang diketahui melalui mata kasar (*al-baṣar*), dan diri atau *nafs* yang diketahui dengan mata hati (*al-baṣīrah*). Daya fikir untuk memperolehi ilmu melalui diri atau *nafs* ini yang membezakan antara manusia dengan makhluk lain. Dalam surah al-Baqarah ayat 31-32, Allah SWT berfirman:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ.
قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

Maksudnya:

“Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman: "Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar". Malaikat itu menjawab: "Maha suci Engkau (Ya Allah SWT)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa

yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana"

Al Baqarah (2): 31-32.

Antara elemen yang wujud dalam diri atau *nafs* manusia adalah akal yang membolehkan mereka memahami sesuatu perkara serta membezakan antara yang baik dan selainnya. al-Ghazālī (2010) menyatakan bahawa akal merupakan sebuah elemen spiritual yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk mendapatkan ilmu dan membezakan antara perkara baik dan buruk. Al-Isfahānī (2010) pula membahagikan akal kepada 2 bahagian, iaitu *al-`aql al-gharīzī* (akal secara fitrah) yang merupakan daya potensi untuk manusia memperolehi ilmu. Jika manusia tidak mempunyai *al-`aql al-gharīzī* atau tidak sempurna potensi ini, maka kemanusiaannya tidak sempurna. Atas dasar itu, manusia sebegini tidak dikira sebagai mukallaf, kerana daya potensinya untuk mendapatkan ilmu tidak lengkap. Bahagian kedua akal menurut al-Isfahānī (2010) pula adalah *al-`aql al-iktisābī* ang merupakan ilmu yang diperolehi melalui pembelajaran, kajian, pengalaman serta lain-lain metode. *Al-`aql al- iktisābī* seorang manusia berbeza dengan manusia yang lain berdasarkan latar belakang kehidupan, peringkat pendidikan, suasana sekeliling dan lain-lain faktor. Ini bermakna apabila makin tinggi keilmuan seseorang, maka *al-`aql al- iktisābī* miliknya adalah lebih sempurna.

Dari Timur hingga Barat, semua peradaban dan tamadun membincangkan tentang ilmu yang menjadi asas penting dalam kehidupan. Peradaban Islam juga tidak terkecuali dari membincangkan tentang ilmu ini, bahkan peradaban Islam meletakkan ilmu sebagai paksi utamanya. Ini dikukuhkan dengan kenyataan Rosenthal (2007) bahawa ilmu merupakan konsep yang mendominasi Islam dan memberikan keunikan kepadanya berbanding ketamadunan lain. Menurut Rosenthal (2007) lagi, tiada konsep lain selain konsep ilmu yang menjadi fokus utama dalam agama Islam, di mana ia sangat luas digunakan dan mempunyai makna yang mendalam dalam semua aspek politik keduniaan dan ritual keagamaan. Bahkan tidak salah untuk menyatakan bahawa agama Islam itu sendiri adalah ilmu.

1.1 Permasalahan Falsafah Ilmu

Krisis pemikiran seperti ateisme dan agnostisisme sedang mengancam umat Islam di seluruh pelusuk dunia. Menurut sebuah kajian yang dilakukan oleh *Global Index of Religiosity and Atheism* pada tahun 2012 oleh WIN Gallup International, daripada 50,000 responden yang dipilih daripada 57 buah negara, 36 peratus atau 18,000 responden mengakui bahawa mereka adalah ateis dan tidak beragama. Arab Saudi pula merupakan negara Arab serta majoriti Muslim yang mempunyai bilangan ateis paling tinggi iaitu 5 peratus, diikuti oleh Palestin 4 peratus, Pakistan dan Turki 2 peratus (Wahab 2018). Situasi yang sama ini juga berlaku di Malaysia, di mana gejala ateis dan agnostik ini telah tersebar dengan luas dengan wujudnya media sosial. Ini disokong dalam kajian Musa dan Shah (2020) yang mendapati bahawa fahaman ateis dan agnostisisme ini telah tersebar luas di Malaysia khususnya melalui laman media sosial. Berdasarkan kajian TNS Malaysia pada tahun 2014 ke atas 500 responden di Malaysia, didapati 3 peratus mengaku sebagai ateis dan 20 peratus tidak beragama. Daripada jumlah di atas majoriti yang mengaku sebagai ateis adalah daripada kalangan mereka yang berumur 18-34 tahun serta sedang belajar di insituti pengajian tinggi. (Rashidi, 2018). Selain itu, kes-kes murtad, ateis serta gejala agnostitisme mendapat liputan

meluas media alternatif serta media sosial seperti artikel Dina Zaman (2014), kes Hazim Ismail (2016), serta kewujudan kumpulan-kumpulan facebook Warung Atheist yang menghimpunkan ateis-ateis Malaysia dan Singapura (Ashaari; Sabri, 2018).

Situasi ini dilihat merisaukan disebabkan pandangan-pandangan yang dilontarkan oleh golongan ateis dan agnostik ini mempengaruhi golongan muda yang gemarkan idea seperti kebebasan bersuara, hak asasi manusia serta tidak mempunyai asas keilmuan yang kukuh untuk menangkis serangan yang berlaku (Musa; Shah, 2020). Antara faktor utama kemunculan aliran ateis dan agnostik adalah berpunca daripada permasalahan falsafah ilmu. Hanya ilmu yang dinilai dengan metode saintifik sahaja dianggap sebagai ilmu yang absah. Ini dinyatakan secara jelas oleh Muṣṭafā Ṣabrī (2008) di mana ilmu agama dilihat kuno, kolot, tidak saintifik serta tidak serasi dengan perkembangan zaman. Ṣabrī (2008) dalam *Mawqif al-`Aql*, menambah lagi:

“Ahli falsafah Barat moden, yang terpaksa beriman dengan kewujudan Tuhan seperti dalam teks Bible, sukar untuk menyelarikan antara akidah mereka dengan akal. Mereka menyeru untuk menjauhkan akal daripada agama. Mereka mewujudkan bagi diri mereka, sebuah falsafah agama baru yang lebih diterima akal.”

Falsafah sains dan struktur ilmu moden yang ditunjangi oleh Barat telah menetapkan empirisisme sebagai paradigmanya. Selain paradigma tersebut seperti paradigma agama dan metafizik dianggap sebagai tidak ilmiah. Ini dinyatakan oleh Darwis A. Seolaiman (2019):

“Falsafah sains moden dan struktur ilmu pengetahuan yang dibangunkan oleh Barat tercermin pada pengagungan terhadap rasionalisme, empirisisme, positivisme, objektivisme, dan neutraliti nilai etika. Inilah yang dikenal sebagai paradigma sains moden. Seluruh struktur keilmuan harus berpijak pada paradigma itu. Di luar paradigma itu dipandang salah, atau tidak ilmiah. Hal-hal mengenai nilai keilmuan yang berkaitan dengan agama dipandang tidak rasional dan tidak objektif, dan kerana itu harus ditinggalkan.”

Perkara yang berkait dengan metafizik seperti Tuhan dan roh dianggap sebagai bukan ilmu, dan hanya perkara yang bersumberkan kajian dan eksperimen sains diiktiraf sebagai sumber ilmu. Dalam *The Positive Philosophy*, Comte (2000) menyatakan:

“All good intellects have repeated, since Bacon’s time, that there can be no real knowledge but that which is based on observed facts... The spirit of the positive philosophy rose up in opposition to that of superstitious scholastic system which ad hitherto obscured the true character of science.”

Kecenderungan menyamakan sains sebagai ilmu dalam aliran saintisme telah menyempitkan skop ilmu yang luas. Ini menyebabkan pelbagai masalah keilmuan timbul

kerana penafian terhadap sumber ilmu selain sains. Mudzakir (2016) menjelaskan kekurangan dan keterbatasan ilmu yang sedang melanda kemajuan peradaban positivisme ini dilahirkan oleh ilmu yang didakwa sebagai entiti yang mampu menyelesaikan seluruh masalah manusia, di mana ia telah melahirkan budaya yang tidak utuh, dan mudah terjerumus pola kehidupan pragmatis, materialis, dan hedonis. Ilmu mempunyai pelbagai sumber merentasi data empirikal dan logik akal, yang boleh dikategorikan sebagai ilmiah.

Sains pada hari ini diterjemahkan sebagai *al-`ilm* dan *al-`ulūm* di mana ia secara tidak langsung menggambarkan bahawa hanya perkara saintifik yang diiktiraf sebagai ilmu. Umum mengetahui bahawa sesuatu ilmu itu dinamakan sains apabila ia telah melalui proses dan kajian saintifik. Ini dikukuhkan dengan kenyataan Shaharir Mohamad Zain yang dipetik dari Nor Syamimi et.al (2016) bahawa definisi sains adalah analisa terhadap fenomena alam tabii secara sistematik, mantik dan objektif dengan kaedah khusus yang diperantikan untuk mewujudkan penumpukan pengetahuan yang boleh dipercayai. Ini juga yang dinyatakan oleh Richard Dawkins dalam sebuah debat dengan paderi Rowan Williams pada tahun 2012 bahawa ilmu dan penjelasan sebenar tentang alam adalah sains. Ini adalah penerusan daripada era Renaissance yang digerakkan oleh Francis Bacon, John Locke dan lain-lain yang menafikan metafizik dan mengangkat kajian empirikal sebagai satu-satunya kebenaran. Menurut Abdul Rahman (2005), gerakan yang menolak agama dan ilmu yang terhasil dalam nuansa keagamaan serta hanya menerima sains sebagai ilmu digelar sebagai aliran saintisme.

Disebabkan permasalahan-permasalahan yang ada ini, maka wajar untuk perbincangan mengenai falsafah ilmu ini ditinjau dan diperhalusi semula. Proses untuk menggali semula elemen-elemen falsafah ilmu yang wujud dalam penulisan-penulisan ulama terdahulu. Ini dilaksanakan secara selari bersama dengan analisis terhadap penulisan ilmuwan semasa perlu dilakukan untuk untuk menggagaskan satu kerangka ilmu dan epistemologi yang sesuai dengan zaman pasca-moden. Ini bertujuan untuk menangkis salah faham dan pemisahan ilmu yang berlaku. Hasil daripada kajian ini akan menentengahkan beberapa aspek falsafah ilmu Islam yang bertujuan untuk menjadi sorotan awal bagi penghasilan kerangka falsafah ilmu Islam yang bersepadu.

2. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bertujuan untuk menghasilkan konsep falsafah ilmu Islam. Kajian ini menggunakan metodologi analisis kandungan terhadap karya-karya klasik dan moden yang membincangkan tentang falsafah ilmu Islam. Metode pengumpulan data yang digunakan untuk melaksanakan proses kajian ini melalui Kajian Perpustakaan (*Library Research*). Dokumen yang dikaji adalah seperti buku-buku, tesis, disertasi ilmiah, kertas-kertas kerja, artikel jurnal, laman web, kamus, ensiklopedia dan sebagainya dijadikan sebagai asas dalam menganalisis falsafah ilmu Islam. Data-data yang sudah dikumpulkan tersebut seterusnya dianalisis menggunakan meotde induktif bagi merumus konsep falsafah ilmu Islam.

3. Dapatan Dan Perbincangan

3.1 Konsep Falsafah Ilmu Islam

Istilah falsafah ilmu merupakan gabungan dua perkataan falsafah dan ilmu. Menurut Kamus Dewan (2017), falsafah bermaksud pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar ilmu-ilmu lain. Wan Mohd Nor (2019) menyatakan falsafah sebagai sebuah perkara yang sistematik, mendasar dan menyeluruh. Istilah ilmu pula didefinisikan sebagai pengetahuan dalam perkara dunia, akhirat, zahir, batin, dan lain-lain, atau kajian berkenaan sesuatu perkara atau dalam konteks agama Islam sampainya diri kepada makna, dan hadirnya makna dalam diri seseorang (Kamus Dewan, 2017). Dalam bahasa Melayu dan Indonesia, ilmu seringkali disebut juga sebagai pengetahuan yang membawa konotasi kedua-dua istilah ini membawa maksud yang sama. Tetapi Abdul Rahman (2005) tidak bersetuju dengan perkara ini dan menyatakan bahawa wujud perbezaan antara istilah ilmu dan pengetahuan. Menurutnya, pengetahuan adalah mengenai hal-hal biasa yang diketahui sehari-hari (*ordinary knowledge*). Manakala pengetahuan yang tersusun atau sistematik serta mempunyai kaedah atau metodologi tertentu disebut sebagai ilmu atau pengetahuan ilmiah (*scientific knowledge*) (Abdul Rahman, 2005).

Soelaiman (2019) pula mendefinisikan konsep falsafah ilmu sebagai cabang falsafah yang mempersoalkan secara menyeluruh dan mendasar mengenai segala permasalahan berkait dengan ilmu,. Secara khususnya, permasalahan ini mengenai hakikat ilmu, sumber ilmu, metode memperolehi ilmu serta kebenaran ilmu. Falsafah ilmu menurutnya juga adalah himpunan jawapan mengenai pertanyaan ontologis, epistemologis dan aksiologis tentang ilmu. Apabila perkataan falsafah dan perkataan ilmu digabungkan menjadi “falsafah ilmu”, ia membawa makna pengetahuan yang mendasar dan menyeluruh tentang ilmu itu sendiri. Ini bertepatan dengan definisi yang diberikan oleh Adian Husaini (2013) bahawa istilah falsafah ilmu adalah sebuah cabang dalam ilmu falsafah yang membahas ilmu secara menyeluruh dan mendasar, yang dikenali juga dengan istilah epistemologi. Ilmu falsafah terbahagi kepada tiga cabang; falsafah wujud (ontologi), falsafah ilmu (epistemologi) dan falsafah etika serta estetika (aksiologi). Falsafah ilmu membincangkan tentang definisi ilmu dan kebenaran, kepentingan ilmu, kemungkinan memperolehi ilmu, sumber ilmu, kaedah memperolehi ilmu dan klasifikasi ilmu. Ia merupakan ilmu mengenai metodologi mencari kebenaran secara menyeluruh.

Perbincangan tentang falsafah ilmu dalam tradisi keilmuan Islam boleh ditemui secara berasingan dalam penulisan kitab-kitab Mantīq, Uṣūl Fiqh, dan sebahagian ilmu Kalām. Menurut Zaidi (2016), perbincangan mengenai falsafah ilmu Islam ditumpukan kepada dimensi akidah yang lebih bersifat akliah dan pemikiran selain daripada dimensi falsafah peripatetik dan tasawuf yang mempunyai dimensi yang serupa. Pemikir Islam kontemporari seperti Sayyid Quṭb, al-Mawdūdī, Ismail Al-Faruqī dan Syed Muhammad Naquib Al-Attas dan Kamal Hassan, telah mengkhususkan perbincangan tentang falsafah ilmu di dalam tulisan berasingan untuk memudahkan rujukan dalam memahami isu berkenaan. Dalam tradisi Yunani, perbincangan tentang falsafah ilmu dikumpulkan dalam sebuah cabang falsafah yang dikenali sebagai epistemologi. Ini dikukuhkan dengan kenyataan oleh Abdul Rahman (2005) bahawa epistemologi adalah sebuah disiplin ilmu yang membicarakan tentang isu yang berkait dengan tabiat ilmu manusia, seperti apa itu ilmu, sumber-sumber

ilmu, sifat-sifat utama ilmu, jalan memperoleh ilmu, batas-batas ilmu, kemungkinan memperoleh ilmu dan lain-lain yang berkaitan.

Antara keistimewaan falsafah ilmu Islam adalah ia berdiri atas kesepaduan antara wahyu dan akal. al-Faruqi (1997) menyatakan konsep falsafah ilmu Islam berdiri atas dasar kesepaduan ilmu dan realiti. Menurutnya, iman dan kepercayaan dalam agama Islam adalah berasaskan kepada kesepaduan sumber wahyu dan rasional. Wahyu tidak mengkhabarkan perkara yang bertentangan dengan realiti, Justeru, kefahaman bahawa terdapat pertentangan antara iman serta kepercayaan dengan rasional akal bukan berpunca daripada agama Islam, tetapi dari fahaman falsafah dan agama yang lain. Ini yang diungkapkan oleh Ibn Rushd (2012) sebagai kesatuan antara hikmah dan syariah. Beliau menyatakan kefahaman yang mencapai tahap muktamad (*al-burhān*) tidak akan melihat pertentangan antara wahyu dan akal bahkan kedua-duanya saling menyempurnakan antara satu sama lain.

Hal ini berbeza dengan pendapat sebahagian ulama dan pemikir, di mana mereka menyatakan bahawa falsafah ilmu Islam adalah berpandukan wahyu sebagai sumber asasi. Mumtaz Ali (1994) menyokong perkara ini dengan kenyataan beliau bahawa falsafah ilmu Islam berpaksikan kepada wahyu yang diberikan oleh Tuhan kepada manusia melalui para nabi dan rasul. Ini adalah kerana beza antara kejahilan dan ilmu hanya boleh dibezakan apabila kita mengetahui ciri-ciri ilmu, di mana ciri-ciri ilmu ini tidak boleh diketahui melainkan dengan wahyu dari Allah SWT yang merupakan sumber mutlak segala ilmu. Akal tidak dapat membezakan ilmu dan kejahilan secara muktamad dan hanya dapat diketahui dengan panduan wahyu iaitu al-Quran dan Hadith.

3.2 Sejarah Perkembangan Falsafah Ilmu Dalam Islam

Istilah falsafah ilmu merupakan istilah yang kurang diungkap sewaktu awal pengutusan Rasulullah SAW. Bahkan boleh dikatakan tidak ada istilah falsafah dalam teks-teks Arab yang dijumpai pada ketika itu. Istilah falsafah secara umum dan falsafah ilmu secara khusus tidak ada, sehingga kemunculan al-Kindī (265H/875M) sebagai ahli falsafah Arab Islam. Beliau merupakan individu pertama yang memashyurkan istilah ilmu hikmah dan falsafah ke dalam dunia Islam (Nawi et al, 2020). Istilah falsafah secara umumnya dan falsafah ilmu yang tidak disebut tidak bermakna umat Islam tidak memberi fokus terhadap persoalan berkait falsafah ilmu. Umat Islam menerusi wahyu dan petunjuk kenabian telah membawa revolusi ilmu yang besar berasaskan falsafah ilmu yang bersepadu. Nawi et al (2020) di menyatakan bahawa wujud pendekatan yang mengaitkan falsafah Islam dengan tradisi kenabian dan orang-orang soleh terdahulu dengan istilah hikmah.

Sebagai contoh, keilmuan Nabi Idrīs AS yang juga dikenali sebagai Hermes Trismegistus menurut tradisi Injil-Kristian dalam pelbagai bidang ilmu seperti matematik, astronomi dan logik dikaitkan dengan asas ilmu falsafah. Demikian juga Luqmān al-Hakīm yang dikaitkan dengan hikmah dan kebijaksanaan. Rosenthal (2007) menyatakan ilmu merupakan konsep yang mendominasi Islam dan memberikan keistimewaan kepada peradaban Islam. Tiada konsep lain selain konsep ilmu yang menjadi fokus utama dalam agama Islam yang menandakan ia sangat luas digunakan dan mempunyai makna yang mendalam dalam semua aspek politik keduniaan dan ritual keagamaan. Justeru, tidak salah untuk menyatakan bahawa agama Islam itu sendiri adalah ilmu, berbanding agama dan ideologi lain yang menitikberatkan ilmu pada peringkat kemuncak kebudayaannya.

Kenyataan ini dikukuhkan dengan fakta bahawa pengutusan Rasulullah SAW sebagai nabi adalah tanda kebangkitan ilmu dan pemikiran yang baharu. Shalaby (1986) menyatakan bahawa pengutusan Rasul ini telah memberikan manusia sebuah roh baharu yang tidak ada tolak tandangnya. Sejak dari awal wahyu yang diturunkan, Islam telah menegaskan tentang kepentingan ilmu dan pendidikan (Yāqūt, t,th). Al-Hawārī (2020) mengukuhkan perkara ini dengan menyatakan bahawa lima elemen dalam lima ayat pertama surah al-'Alaq boleh dirangkumkan sebagai konsep falsafah ilmu seperti sumber ilmu, metodologi ilmu dan kemampuan manusia untuk mengetahui. Allah berfirman:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ. خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ. اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ. الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ. عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ.

Maksudnya:

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, - Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, - Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”. al-'Alaq (96): 1-5.

Menurut Sayyid Qutb (2009), kelima-lima ayat ini adalah ayat yang menggambarkan titik permulaan kepada perubahan sejarah dunia. Ini merupakan titik yang menghubungkan antara manusia dan wahyu Ilahi serta tarikh kelahiran baru bagi era kemanusiaan. Al-Hawārī (2020) menambah bahawa penurunan wahyu telah membentuk aspek kognitif dan metodologi yang baharu dalam sistem ilmu Islam. Ini menunjukkan peranan wahyu dalam membentuk kerangka falsafah ilmu bagi umat Islam. Ini membuktikan kefahaman yang sama dengan apa yang diungkapkan oleh Ummu Ayman RA yang menyatakan kepada Abu Bakr RA dan `Umar al-Khaṭṭāb RA bahawa kewafatan Rasulullah SAW bukan sekadar menandakan kewafatan seorang nabi. Akan tetapi kewafatan beliau memberi isyarat bahawa wahyu sudah terputus dari langit dan tiada lagi khabar ilmu yang diberikan kepada manusia secara langsung.

قَالَ أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بَعْدَ وَفَاةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعُمَرَ: انْطَلِقْ بِنَا إِلَى أُمَّ أَيْمَنَ نَزُورُهَا كَمَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَزُورُهَا، فَلَمَّا انْتَهَيْنَا إِلَيْهَا بَكَّتْ، فَقَالَا لَهَا: مَا يُبْكِيكِ؟ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ لِرَسُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَتْ: مَا أَبْكِي أَنْ لَا أَكُونَ أَعْلَمُ أَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ

لِرَسُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَلَكِنْ أَبْكِي أَنَّ الْوَحْيَ قَدْ انْقَطَعَ مِنَ السَّمَاءِ،
فَهَيَّجَتْهُمَا عَلَى الْبُكَاءِ، فَجَعَلَا يَبْكِيَانِ مَعَهَا

Maksudnya:

“Abū Bakr RA berkata kepada `Umar RA tidak lama setelah Rasulullah SAW wafat, ‘Ikutlah kami ke rumah Ummu Ayman RA untuk mengunjunginya sebagaimana Rasulullah SAW selalu mengunjunginya.’ Dan ketika kami telah sampai di tempatnya, Ummu Ayman pun menangis. Lalu mereka berdua berkata kepadanya, ‘Kenapa kau menangisi beliau, bukankah apa yang ada di sisi Allah SWT itu lebih baik bagi Rasul-Nya SAW?’ Ia menjawab, ‘Bukanlah aku menangisi beliau, kerana aku tahu bahwa apa yang ada di sisi Allah SWT itu lebih baik bagi Rasul-Nya, tetapi aku menangis kerana dengan wafatnya beliau bererti wahyu dari langit telah terputus.’ Ummu Ayman pun membuat mereka berdua bersedih dan akhirnya mereka berdua pun menangis bersamanya.” (Muslim, *Kitāb Faḍāil al-Ṣahābah RA, Bāb Min Faḍāil Ummi Ayman*, no 2454).

Ṭāhā Jābir al-`Alwānī dalam al-Ḥawārī (2020) menyatakan bahawa wahyu pertama dalam surah al-Alaḡ ayat satu hingga lima ini mempunyai dua jenis arahan *iqra`*. *Iqra`* yang pertama adalah *iqra` al-wahy* (kajian terhadap wahyu) manakala *iqra`* kedua adalah *iqra` al-wujūd* (kajian terhadap alam/kewujudan). Ini menggambarkan kesepaduan sumber ilmu dalam agama. Kenyataan ini dikukuhkan oleh Nawī et.al. (2020), di mana menurut beliau walaupun benih falsafah dikaitkan dengan *ṣuḥuf* dan kitab orang-orang soleh terdahulu, namun hikmah dan kebijaksanaan mencapai kemuncaknya semasa kenabian Nabi Muhammad SAW. Konsep keilmuan yang sempurna dalam Islam terdapat dalam wahyu yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Proses penurunan wahyu menyimpan kronologi pembentukan pemikiran dan pandangan masyarakat muslim pada waktu itu (Nawī et.al, 2020).

Agama Islam tersebar dalam kalangan bangsa Arab bersama dengan ilmu dengan wahyu al-Quran dan al-Sunnah telah mengemukakan pelbagai bidang ilmu. `Uways (2017) menyokong perkara ini dengan membawakan contoh ilmu yang terhasil melalui wahyu adalah ilmu sejarah. Beliau juga menyatakan bahawa budaya ilmu menjadi perhatian utama dalam misi dakwah Rasulullah SAW seperti apa yang digambarkan yang dijalankan seperti perlantikan Mu`ādh Bin Jabal sebagai guru agama di Yaman. Contoh yang lain adalah galakan Rasulullah SAW bagi para untuk mendalami pelbagai bahasa asing sebagai contoh kisah Zayd Bin Thābit menguasai bahasa Suryani dalam masa dua minggu sahaja. Para sahabat telah dibentuk dengan pandangan baharu kepada alam, kehidupan dan insan, atau boleh diistilahkan kerangka falsafah ilmu yang baharu melalui didikan Rasulullah SAW.

Walaupun istilah falsafah ilmu tidak diungkap secara jelas, tetapi ajaran Rasulullah SAW menekankan elemen-elemen yang ada dalam falsafah ilmu. Rosenthal (2007) menyatakan bahawa konsep ilmu dalam sistem dakwah Rasulullah SAW adalah besar, penting serta membentuk kehidupan intelektual dan menjadi struktur fundamental kepada agama Islam. Antara konsep falsafah ilmu yang dibawa oleh Rasulullah SAW melalui wahyu adalah penekanan kepada kebenaran-kebenaran asasi, pengungkapan istilah *`ilm al-*

yaqīn, *ʿayn al-yaqīn* dan *ḥaq al-yaqīn* yang membawa konotasi tahap-tahap ilmu dan kebenaran (Rosenthal, 2007). Menurut Yāqūt (t.th), Rasulullah SAW telah menjadikan pencarian ilmu sebagai kewajiban ke atas setiap muslim dan menyatakan kelebihan mereka yang berilmu serta kedudukan ulama (ahli ilmu) yang menghampiri taraf kenabian. Rasulullah SAW sendiri adalah model objektif yang menggambarkan wahyu dan syariah secara praktikal dalam kehidupan. Nizaita (2006) menyokong perkara ini, di mana beliau menyatakan Islam dengan ketinggian ajarannya merangsang manusia supaya berfikir (*afalā yaʿqilūn*), menggerakkan minda supaya insaf, kreatif dan proaktif (*afalā yatafakkarūn*) dan mendorong manusia supaya sentiasa memerhati, mengkaji dan menyelidiki rahsia kebesaran Allah (*afalā yatatadabbarūn*).

Walaupun bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa perbincangan falsafah secara umum dan falsafah ilmu secara khusus dalam kalangan bangsa Arab ada sebelum kehadiran Islam. Rāziq (2007) menyatakan kewujudan individu-individu yang cuba mencari Tuhan seperti Waraqah Bin Naufal, Salmān al-Fārisī dan Zayd adalah bukti kepada kewujudan perbincangan falsafah dalam suasana yang terpencil. Menurut kelompok ini, tuhan berhala yang disembah oleh golongan Arab Quraish adalah sembahsan yang tidak dapat diterima logik akal. Bab rasional dan logik ini merupakan salah satu perbahasan dalam falsafah ilmu dalam bab aqidah. Perbincangan ini semakin berkembang dengan pesat melalui kedatangan Islam dan pengutusan Rasulullah SAW yang menyaksikan sebuah kebangkitan ilmu secara menyeluruh yang menjadi budaya dalam kalangan muslim.

Konsep falsafah ilmu berkembang dengan dalam acuan Islam. Menurut Syahīd et al (2011), cakupan ilmu dalam Islam mempunyai tiga peringkat perkembangan yang signifikan. Peringkat pertama menyaksikan ilmu hanya terhad kepada aspek amali dan praktikal serta tidak berkait dengan aspek teoretikal seperti ilmu fiqh, bahasa, aqidah, hadith dan tafsir. Pada peringkat kedua pula perkembangan ilmu berlaku dengan berlalunya masa dan perubahan keadaan manusia. Ilmu-ilmu seperti usul fiqh, usul bahasa, usul hadith dan lain-lain yang membetulkan salah faham ilmu fiqh, bahasa dan hadith. Manakala peringkat ketiga adalah munculnya cabang-cabang ilmu yang menjawab persoalan semasa yang berlaku, serta pengukuhan kepada ilmu yang sedia ada pada masa lalu selaras dengan perkembangan ketamadunan Islam (Syahīd et al, 2011). Konsep falsafah ilmu berkembang seiring dengan perluasan cakupan ilmu Islam.


Antara noktah penting dalam perkembangan falsafah ilmu Islam adalah kemasukan ilmu-ilmu baharu dari luar seperti dari Yunani dan India ke dalam ekosistem ilmu Islam. al-Khawārizmī menyatakan bahawa ilmu yang datang dari luar tanah Arab Islam atau *ʿUlūm al-ʿAjam* digelar sebagai *ʿUlūm al-ʿAql*, manakala *ʿUlūm al-ʿArab* yang berkembang dalam tanah Arab dikenali sebagai *ʿUlūm al-Naql* (al-Farḥān, 2017). Kemasukan ilmu-ilmu baharu ini telah merancakkan perbincangan mengenai falsafah ilmu dalam pelbagai bidang, tidak kurang juga menimbulkan kontroversi dan pertelingkahan dalam kalangan umat Islam. Dalam menanggapi ilmu baharu yang datang daripada luar, wujud beberapa pendekatan yang diambil oleh para ulama silam. Ini dirumuskan oleh al-Ghazālī (2016) bahawa wujud pendekatan yang cenderung untuk menolak ilmu *ʿaqliyyah* yang diperolehi daripada luar secara total. Dalam masa yang sama, wujud juga pendekatan yang mengambil ilmu *ʿaqliyyah* secara total tanpa melihat kepada falsafah kufur yang melatari ilmu-ilmu ini.

Daripada pendekatan tersebut, perbahasan falsafah ilmu seperti kemampuan manusia memperolehi ilmu, ciri-ciri ilmu, sumber ilmu, kaedah memperolehi ilmu dan klasifikasi ilmu berkembang dan menjadi salah satu aspek penting dalam ilmu Islam. Ini dinyatakan oleh Nawi et.al (2020) bahawa ulama dan pemikir Islam telah melakukan proses seperti memberi komentar, kritikan, pengubahsuaian serta penggantian terhadap falsafah Yunani yang masuk ke dalam ekosistem ilmu Islam. Kemasukan falsafah dari Yunani ini telah memperkayakan tradisi falsafah ilmu Islam yang sedia wujud, dan mengembangkan lagi perbahasan falsafah dalam dunia Islam.

3.3 Definisi Ilmu

Dalam bahasa Latin, ilmu diistilahkan dengan *scientia* atau *cognitio*. Ilmu didefinisikan sebagai etika/moral (*virtue*) menurut Socrates (Demirci, 2012). Socrates berpandangan bahawa seseorang tidak akan melakukan kejahatan jika dia mempunyai ilmu tentang kejahatan tersebut, manakala jika dia mempunyai ilmu tentang kebaikan bermaksud melakukan kebaikan tersebut. Makanala pemikir kontemporari Barat mendefinisikan ilmu sebagai *justified true belief*. Sesuatu perkara dikatakan sebagai ilmu apabila lengkap tiga ciri-ciri ini iaitu kepercayaan (*belief*) yang mempunyai justifikasi atau bukti, serta benar iaitu bertepatan dengan realiti. Definisi ini bermula dari tradisi Greek purba, seperti yang diungkapkan oleh Plato dalam tulisannya *Theaetetus*. Ini disokong oleh Fine (1979) di mana beliau menyatakan bahawa kepercayaan yang benar sahaja tidak cukup untuk menghasilkan ilmu menurut Plato. Ilmu hanya akan dapat dihasilkan apabila diterangkan bersama justifikasi (*aitias logismos*). Definisi ilmu ini pernah dikritik dalam sebuah artikel ringkas oleh Edmund Gettier (2012), di mana beliau berhujah wujud beberapa keadaan di mana *justified true belief* tidak menghasilkan ilmu yang sebenar.

Dalam bahasa Arab, istilah yang biasa digunakan untuk ilmu adalah *al-`ilm*, *al-ma`rifah*, *al-idrak* dan lain-lain. Menurut pandangan ramai ulama dan cendekiawan, *al-ma`rifah* dan *al-idrāk* sinonim dengan makna ilmu. Walaupun begitu, ada pendapat yang mengatakan bahawa *al-`ilm* dan *al-ma`rifah* membawa definisi yang berbeza, seperti pendapat Abu Hilāl al-`Askarī yang dipetik dari Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2010), *al-`ilm* mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada *al-ma`rifah*. *al-`ilm* adalah pengetahuan universal manakala *al-ma`rifah* adalah pengetahuan spesifik sahaja. Beberapa definisi ilmu yang dikemukakan oleh ulama Islam adalah seperti definisi al-Ghazālī (2016) “mengetahui sesuatu sebagaimana adanya”, definisi Ibn Sīnā (t.th) “terhasil gambaran maklumat dalam jiwa”, definisi Ibn Taymiyyah “sesuatu yang berpaksikan dalil”, definisi al-Syātībī (2013) “apa yang muktamad dan membuahkan keyakinan” dan definisi al-Attas (2020) “tibanya makna ke dalam diri serempak dengan tibanya diri kepada makna”. Rajah 2 menunjukkan terjemahan definisi ilmu menurut al-Jurjānī (2005) dalam kitabnya *al-Ta`rīfāt*. Ilmu mempunyai banyak definisi, yang dikumpulkan oleh al-Jurjānī daripada ulama sezaman dan sebelumnya.



Rajah 1 Definisi Ilmu Menurut al-Jurjānī (terjemahan ke Bahasa Inggeris oleh el Tigani Mohd el Amin)

Usaha mendefinisikan ilmu ini mendapat kritikan di sisi al-Rāzī (2011). Beliau menyatakan bahawa ilmu tidak perlu ditakrifkan kerana ilmu adalah perkara *ḍarūrī* yang tidak memerlukan kepada takrif. Al-Rāzī (2011) menyatakan dalam *Ma`ālim Uṣūl al-Dīn* bahawa seseorang itu mengetahui dia berilmu tentang sesuatu perkara secara *ḍarūrī* tanpa perlu kepada pembuktian mahupun hakikat tentang ilmu itu sendiri. Ini adalah kerana apabila ilmu juga memerlukan kepada definisi, maka itu akan mengakibatkan *dawr* (*circular argument*). *Dawr* di sini bermaksud apabila ilmu perlu definisi, maka ilmu terhadap ilmu juga perlu kepada definisi. Ilmu terhadap ilmu terhadap ilmu juga memerlukan kepada definisi dan ini akan berpusing hingga tidak ada penghujung. Atas sebab itu, al-Rāzī berpendapat bahawa ilmu tidak perlu kepada definisi.

Dalam al-Quran, perkataan *al-`ilm* digunakan sebanyak 863 kali dalam pelbagai konteks yang berbeza (Adian Husaini, 2013). Menurut al-Kurḍī (2004), penggunaan perkataan *al-`ilm* dalam al-Quran disandarkan kepada manusia dan Allah SWT, namun perkataan *al-ma`rifah* hanya disandarkan kepada manusia sahaja. Sebahagian mufassir menyatakan bahawa ini adalah kerana *al-ma`rifah* adalah ilmu *naẓarī* (kompleks) yang memerlukan kepada dalil dan pembuktian,. Ini tidak sesuai untuk disandarkan kepada Allah SWT kerana ilmu-Nya tidak memerlukan kepada perkara sedemikian (al-Kurḍī, 2004).

Definisi ilmu boleh dirumuskan melalui ciri-ciri ilmu yang boleh dibentuk menjadi sebuah definisi ilmu. Menurut Nawi et al (2020), antara ciri-ciri ilmu adalah benar, bersifat hakiki iaitu tidak mempunyai unsur keraguan sama sekali serta mesti mempunyai bermakna kepada yang menerimanya. Ini hampir sama dengan ciri-ciri ilmu yang dinyatakan oleh al-Ghazālī (2016) dalam tulisan beliau *al-Munqidh min al-Ḍalāl*. Beliau menyatakan ciri-ciri ilmu adalah yakin, tidak terkandung di dalamnya keraguan, tidak ada kemungkinan salah, serta tidak tergugat kebenaran akannya walaupun dicabar. Dalam *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī`ah*, al-Syāṭibī (2013) menyatakan ciri-ciri ilmu adalah umum dan konsisten/koheren,

tetap dan tidak berubah walaupun berbeza masa dan tempat, serta menghakimi dan bukan dihakimi. Abdul Rahman (2005) menyatakan bahawa ciri-ciri ilmu dalam erti kata bidang adalah seperti berikut: mempunyai teori atau konsep tertentu yang boleh diterangkan secara rasional, mempunyai kaedah untuk mendapatkannya secara empirikal, mempunyai pokok persoalan dan kandungan permasalahan secara sistematik serta kandungan permasalahan sentiasa dalam proses pertambahan, pemantapan dan penyempurnaan.

Dalam masa yang sama, ciri-ciri ilmu juga boleh dianalisis dari definisi ilmu yang wujud. Zaidi Ismail (2009) merumuskan ciri-ciri ilmu berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh ulama Islam seperti berikut; ilmu itu melibatkan pegangan atau kesimpulan (*al-i'tiqād*) yang memiliki 3 ciri atau sifat, iaitu: (1) bertepatan dengan hakikat apa yang berlaku (*al-muṭābiq li al-wāqi'*); (2) kukuh dan pasti (*al-jāzim*); dan (3) bersandarkan bukti yang munasabah (*al-thābit*). Zaidi (2009) juga menambah aspek yang benar, yang yakin dan yang beradil sebagai antara ciri-ciri ilmu. Ini disokong oleh kenyataan Mohd Hazim yang dipetik dari Ros Aiza (2022) bahawa terdapat tiga syarat atau kondisi sesebuah perkara itu mencapai tahap ilmu. Syarat pertama adalah mempunyai kepercayaan tentang apa yang dipegang sebagai ilmu tersebut, manakala syarat kedua kepercayaan tersebut mestilah benar dan syarat ketiga kepercayaan tersebut mestilah mempunyai justifikasi ataupun berasas.

3.4 Sumber-Sumber Ilmu

Dalam falsafah ilmu Islam, sumber ilmu terbahagi kepada tiga iaitu pancaindera, akal dan khabar atau wahyu. Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam al-Quran, di mana istilah yang digunakan adalah *al-sam'*, *al-baṣar*, dan *al-fu'ād*. Allah SWT berfirman dalam surah al-Nahl ayat 78:

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُم مِّن بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ
وَالْأَفْئِدَةَ ۖ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya:

“Dan Allah SWT mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur. al-Nahl (16): 78.

Dalam surah al-Isrā' ayat 36, Allah SWT berfirman:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ ۚ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

Maksudnya:

“Dan Janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya. al-Isrā' (17): 36.

Ini disyarahkan oleh Sa'īd Fūdah (2012) bahawa *al-sam`* yang dimaksudkan adalah khabar yang benar, *al-baṣar* adalah pancaindera, dan *al-fu'ād* adalah akal yang mendapatkan ilmu melalui *naẓar* (kajian) dan *al-istidlāl*. *Al-baṣar* yang mewakili pancaindera disebut penglihatan sahaja kerana ia merupakan pancaindera yang paling aktif menerima ilmu baharu. Jika disebut dalam *ṣiḡḥah al-jam`* (banyak) kerana menggambarkan lima pancaindera iaitu mata, telinga, lidah, kulit dan hidung. *Al-fu'ād* disebut juga dengan *ṣiḡḥah al-jam`* iaitu *al-af'idah*, yang membawa konotasi pelbagai bentuk penaakulan, seperti deduktif, induktif dan lain-lain (Fūdah, 2012). Pancaindera merupakan sumber ilmu utama, yang berperanan untuk memberikan ilmu daripada alam zahir yang boleh dicerap oleh kesemua pancaindera manusia. Ini dikukuhkan oleh kenyataan Basri (2009) bahawa pancaindera adalah salah satu sumber utama yang membekalkan ilmu pengetahuan empirikal dan realiti kepada manusia., di mana pancaindera berperanan untuk mencerap data dan maklumat tentang alam tabi'i yang bersifat realiti dan empirikal.

Dalam al-Quran juga, Allah SWT menyatakan bahawa pancaindera seperti penglihatan dan pendengaran sebagai sumber kepada ilmu. Bahkan Allah SWT mencela manusia yang tidak memanfaatkan pancaindera ini dalam usaha mendapatkan ilmu tentang Allah SWT. Ini membuktikan bahawa pancaindera merupakan sumber ilmu yang absah mengikut Islam. Allah SWT berfirman dalam surah al-A`rāf ayat 179:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا ۚ أُولَٰئِكَ كَالْأَنْعَامِ ۖ بَلْ هُمْ أَضَلُّ ۚ أُولَٰئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah SWT), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah SWT) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai. al-A`rāf (7): 179.

Pancaindera terbahagi kepada dua, iaitu pancaindera zahir dan pancaindera batin. Al-Jurjānī (2009) menyatakan bahawa *al-iḥsās* bermaksud mengetahui perkara melalui salah satu pancaindera. Jika pengetahuan tersebut melalui pancaindera zahir, maka ia dinamakan sebagai *al-musyāhadāt*, manakala jika melalui pancaindera batin dinamakan sebagai *al-wijdāniyāt*. Pancaindera zahir terdiri daripada lima indera berbeza untuk mencerap objek ilmu yang pelbagai, seperti deria pendengaran (telinga) untuk suara, deria rasa (lidah) makanan/minuman, deria hidu (hidung) untuk bau, deria lihat (mata) untuk objek dan deria sentuh (kulit) untuk permukaan (Basri, 2009). Manakala al-Karsāwī (t,th) menyatakan pancaindera batin pula adalah deria seperti emosi (suka, duka, sakit, lazat).

Wahyu merupakan sumber asasi dalam falsafah ilmu Islam, di mana wahyu adalah sumber ilmu unik yang membezakan antara falsafah ilmu Islam dengan falsafah selainnya. Semasa zaman awal Islam, sumber ilmu tertumpu kepada wahyu yang diperolehi oleh Rasulullah SAW daripada Allah SWT melalui perantara malaikat Jibril. Kebanyakan perolehan ilmu baharu adalah bersumberkan wahyu ini pada peringkat awal. Wahyu dalam bentuk al-Quran, dan manifestasinya melalui sunnah telah mewarnai ilmu para sahabat RA, serta memberikan paradigma dan *worldview* baru terhadap ilmu sedia ada dalam fikiran mereka. Ilmu sedia ada dalam ekosistem dunia Arab ketika itu banyak berubah dengan wahyu, terutamanya dalam medan semantik (sains berkenaan makna sesuatu perkataan atau *science of meaning*). Ini disokong oleh Toshihiko Izutsu yang dipetik dari Syamsuddin Arif (2007) yang menyatakan bahawa perkataan Allah SWT pada semasa zaman pra-Islam (*jāhiliyyah*) difahami sebagai salah satu nama Tuhan yang disembah bersama tuhan-tuhan yang lain. Namun selepas datangnya Islam dan khususnya wahyu al-Quran, perkataan Allah SWT dikhususkan kepada Tuhan Yang Maha Esa yang ada dalam agama Islam sahaja. Ini diterangkan oleh seperti dalam rajah di bawah:

In the Qur'ānic system, the concept of Allāh presides over the entire vocabulary and over all semantic fields; it is the supreme focus word. By contrast, in the pre-Islamic system the concept of Allāh was situated in only one semantic field, side by side with other concepts such as *āliha* (gods/divinities) and without significant contrast to them. As is evident in this example, a change to any one concept in an integrated Weltanschauung reverberates throughout the entire system. The transposition of the concept of Allāh reflects not only a change in the meaning of that one concept but also a worldview that has been totally restructured in a theocentric fashion.




FIGURE 5.1 Reproduced with permission from Toshihiko Izutsu, *God and Man in the Koran: Semantics of the Koranic Weltanschauung* (Tokyo: Keio University, 1964).

Rajah 2 Perubahan Semantik Makna Allah SWT Menurut Izutsu

Walaupun wahyu memainkan peranan penting dalam perolehan ilmu dalam Islam, dalam masa yang sama ini tidak menafikan peranan akal sebagai sumber ilmu. Dalam sumber ilmu Islam, akal diiktiraf sumber ilmu yang objektif. Ini dinyatakan oleh Senturk et al (2022) bahawa akal, wahyu dan pancaindera merupakan sumber objektif yang boleh dikongsi dengan semua orang serta boleh dibuktikan untuk dipercayai oleh orang lain. Akal merupakan daya dalam diri manusia yang membolehkannya untuk membezakan antara perkara baik dan perkara buruk serta mengetahui makna-makna yang terdapat dalam jiwa (al-Fayrūzabādī, 2005). Ini turut dinyatakan oleh al-Karsāwī (t.th) bahawa akal adalah daya yang membezakan antara perkara baik dan buruk (*al-tamyīz*), serta paksi kepada *taklīf syarʿī* (pertanggungjawaban dalam agama). Ini bermakna akal sebagai salah satu sumber dalam menentukan nilai moral satu-satu perbuatan serta menjadi asas kepada pertanggungjawaban perlakuan seseorang. Ini selari dengan kenyataan al-Kurdī (2004) bahawa akal bukan sahaja titik taklif, tetapi juga berperanan sebagai pusat berfikir renungan yang benar dan penisbahan yang tepat. Selain itum akal juga sebagai medium yang mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan yang keji.

Ini sama seperti yang dalam sirah para sahabat, sebagai contoh peristiwa di perkampungan Bani Qurayzah. Perbezaan ijihad berlaku antara para sahabat dalam menafsirkan arahan Rasulullah SAW untuk solat Asar di perkampungan Bani Qurayzah. Ada sebahagian sahabat yang menganggap arahan ini sebagai arahan yang perlu ditaati secara literal, manakala sebahagian yang lain menganggap ia adalah kiasan kepada arahan untuk bergegas ke sana. Akhirnya Rasulullah SAW menerima kedua-dua ijihad ini sebagai bukti bahawa baginda menerima ijihad akal para sahabat. Ini menandakan bahawa akal diterima sebagai sumber ilmu sejak dari zaman awal Islam lagi, selaras dengan kenyataan Rashidi et al (2013) bahawa kedudukan akal sebagai diiktiraf oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kerana ia berkemampuan untuk menghasilkan keyakinan sehingga terbentuk keimanan kepada Allah SWT.

Daripada kenyataan dan bukti-bukti ini, persepsi yang cuba dilontarkan oleh orientalis bahawa sumber ilmu pada zaman awal Islam hanya terhad kepada wahyu adalah tidak tepat dan tertolak. Ini bertepatan dengan kenyataan Mahmoud Abd Rahman (2017) bahawa persepsi ini adalah kajian yang kurang cermat kepada aspek *qiyās*, *ijithād* dan *istinbāʿ* yang saban kali dilakukan oleh para sahabat. Ini membuktikan wujudnya kesepaduan antara nas wahyu dan ijihad akal sebagai sumber ilmu dalam Islam sejak dari pengutusan Nabi lagi. Para sahabat RA menghormati autoriti wahyu dan Nabi Muhammad SAW, dan mereka berhati-hati untuk berijihad secara membuta-tuli. Mereka bersikap warak dalam berijihad supaya mereka tidak dianggap memberi ijihad salah yang bercanggah dengan nas. Ini bertepatan dengan kata-kata Abu Bakr al-Siddiq RA ketika ditanya pendapatnya mengenai makna “ab” dalam surah Abasa **وَأَبَّأَهُ**, beliau berkata:

أي سماء تظلني؟ وأي أرض تقلني؟ إذا قلت في كتاب الله ما لا أعلم؟

Maksudnya:

“Langit yang akan menaungiku, dan tanah mana yang menerimaku, jika aku berkata-kata mengenai kitab Allah SWT (Al-Quran) tanpa ilmu?” Ibn Baṭṭah, *al-Ibānah al-Ṣuḡhrā*.

3.5 Kesepaduan Falsafah Ilmu Islam

Wahyu merupakan sumber ilmu utama dalam Islam, namun dalam yang sama ia tidak menafikan peranan akal dalam merumuskan ilmu. al-Isfahānī (2010) menyatakan akal dan wahyu adalah bersepadu antara satu sama lain. Pengutusan nabi dan rasul adalah sebahagian daripada keperluan asasi (*al-darūriyyāt*) untuk manusia, kerana hampir kesemua manusia tidak dapat mengetahui manfaat dan mudarat ukhrawī secara umum atau secara spesifik. Walaupun sebahagian daripada manusia boleh mengetahui perkara tersebut secara umum, namun mereka tidak dapat mengetahuinya secara spesifik melainkan dengan pengutusan nabi daripada Allah SWT yang membawakan wahyu (al-Isfahānī, 2010). Menurut beliau juga, setiap nabi dikurniakan dua petanda kenabian, satu berbentuk *ḥissiyyah* (inderawi) dan satu lagi berbentuk *aqliyyah* (rasional). Petanda rasional adalah *al-mu`jizah al-ma`nawiyyah* seperti kemuliaan keturunan, kepetahan bicara dan perkataan, keilmuan yang luar biasa. Petanda ini yang hanya boleh diketahui oleh golongan tertentu yang bijak, di mana mereka tidak memerlukan petanda tambahan dalam bentuk inderawi seperti yang berlaku pada Khadijah dan Abu Bakar. Manakala petanda inderawi adalah *al-mu`jizah al-ḥissiyyah* yang boleh dilihat oleh pancaindera, seperti belahan bulan, belahan laut yang diketahui oleh golongan awam yang tidak boleh memahami petanda rasional (al-Isfahānī, 2010).

Dalam falsafah ilmu Islam, akal berperanan sebagai dalil dan penguat hujah bagi perkara yang terkandung dalam syarak. Akal yang Sejahtera boleh membezakan antara kebaikan dan keburukan, antara manfaat dan mudarat secara ringkas (*ijmāl*) manakala syarak memuktamadkan perkara tersebut (al-Ghazālī, 2010). Idea ini dinyatakan juga al-Isfahānī (2019) bahawa Allah SWT telah mengurniakan dua utusan zahir dan batin kepada manusia. Utusan batin adalah akal, manakala utusan zahir adalah rasul atau wahyu. Seseorang tidak boleh mendapat manfaat daripada utusan zahir sepenuhnya jika dia tidak mendapat manfaat daripada utusan batin terlebih dahulu kerana utusan batin akan mengenali kesahihan utusan zahir. Atas sebab itu, Allah SWT menempelak akal mereka yang menafikan keesaan diri-Nya dan kerasulan Nabi Muhammad SAW. Akal adalah pembantu kepada agama, dan kesepaduan wahyu serta akal adalah cahaya atas cahaya (*nūr `ala nūr*) (al-Isfahānī, 2010). Allah SWT berfirman dalam surah al-Nūr:

﴿اللَّهُ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ مَثَلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۚ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ ۚ
الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ
زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ ۚ نُورٌ عَلَى نُورٍ ۚ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَن يَشَاءُ ۚ وَيَضْرِبُ اللَّهُ
الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ ۚ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya: “Allah SWT yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah SWT (Kitab Suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah "misykaat" yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca (qandil), geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu -

dengan sendirinya - memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api: cahaya berlapis cahaya. Allah SWT memimpin sesiapa yang dikehendakiNya nur hidayahNya itu; dan Allah SWT mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah SWT Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu” al-Nūr (24): 35.

Al-Isfahānī (2010) menyatakan akal adalah ibarat api pelita yang hanya akan menyala dengan minyak. Minyak tersebut adalah wahyu, di mana minyak tersebut sangat jernih dan dilihat seolah-olah menyala dan bercahaya walaupun tanpa nyalaan api. Gabungan minyak dan api ini adalah cahaya atas cahaya, yang menerangi bumi dan seisinya. Walaupun akal tidak dapat menerangkan perkara metafizik (*al-ghaibiyyāt*) secara terperinci dan memerlukan bantuan wahyu, ia tidak menunjukkan kelemahan akal. Ini adalah kerana akal tidak dicipta untuk menerangkan perkara berkait metafizik. Perkara ini boleh diumpamakan seperti telinga yang tidak diciptakan untuk mencerap perkara yang boleh dilihat (melalui mata) atau dihidu (melalui hidung). Telinga yang tidak boleh melihat dan menghidu tidak menunjukkan kelemahan telinga, kerana kedua-duanya bukan fungsi telinga.

4. Penutup

Falsafah ilmu menurut perspektif Islam adalah bersifat menyeluruh, serta menggabungkan elemen agama dan falsafah berdasarkan *framework* al-Quran. Ilmu tidak sekadar sempit dalam kerangka kajian pancaindera semata-mata seperti yang dianuti oleh aliran positivisme. Islam juga meletakkan akal di kedudukan yang tinggi dalam falsafah ilmunya, di mana perolehan akal juga dianggap sebagai ilmu yang absah. Ini bertentangan dengan salahfaham yang dilontarkan oleh golongan ateis dan agnostik yang seringkali menggambarkan Islam sebagai agama yang menolak akal dan kemajuan sains. Kesepaduan antara ilmu akal dan ilmu wahyu juga menatijahkan keluasan cakupan ilmu, di mana ilmu berkait ketuhanan dan keagamaan juga dianggap sebagai ilmu yang mencapai tahap ilmiah dalam disiplin ilmu Islam. Kerangka falsafah ilmu Islam ini dilihat sesuai untuk dikemukakan dalam menghadapi permasalahan ateisme, agnostisisme yang berdiri atas prinsip dikotomi ilmu serta penafian kelimihian ilmu agama.

5. Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada sidang penyelidik di Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah (PEMIKIR), Ustaz Abdullah Zaik Abdul Rahman, Ustaz Muhammad Firdaus Zalani dan rakan-rakan sidang yang lain. Sidang falsafah ilmu bawah kendalian PEMIKIR adalah ruang kajian ini dinalisis, diproses serta pengukuhan idea untuk kajian ini dilakukan. Tidak lupa juga kepada Prof Dr Mahmoud Abd Rahman, bekas ketua jabatan Uṣūl Fiqh di Universiti al-Azhar, Kaherah yang memperkenalkan kitab *Al-Dharī'ah ilā Makārim al-Sharī'ah* dan *Tafṣīl al-Nasy'atain wa Tahṣīl al-Sa'adatain* karya al-Rāghib al-Isfahānī. Menurut beliau, kedua-dua kitab ini adalah pelengkap untuk memahami subjek Uṣūl Fiqh melalui pandangan al-Isfahānī yang mendalam tentang falsafah kewujudan.

6. Rujukan

- Abd Rahman, M (2017). *Tarikh Ilm Usul al-Fiqh*, Cairo: Dar al-Yusr.
- Abdul Rahman Abdullah. (2005). *Wacana Falsafah Ilmu: Analisis Konsep-Konsep Asas Dan Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Adian Husaini. (2013). *Filsafat Ilmu: Perspektif Barat & Islam*. Jakarta: Gema Insani.
- al-Attas, S.M N. (2020). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: RZS-CASIS.
- al-Faruqi, I. R. (1992). *al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. Virginia: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- al-Fayrūzabādī,. (2005). *Al-Qāmūs al-Muhīt*. Beirut: Resalah Publishers.
- al-Ghazālī. (2016). *al-Munqidh min al-Ḍalāl*. Jeddah: Dār Al Minhāj.
- al-Ghazālī. (2010). *Ihyā' `Ulūm Al-Dīn*. Damascus: Dar al-Fayhā`.
- al-Ḥawārī, H. (2020). *al-Jam'u baina Qiraah al-Wahy wa Qiraah al-Kawn*. <https://hiragate.com/23571/> (akses pada 10 Mei 2022).
- al-Iṣṣfahānī, A.R. (2010). *Kitab al-Dhari'a ila Makarim al-Shari'a (The Pathway to the Noble Traits of the Religious Law)*, Edited. AYZ al-'Ajamī. Cairo: Dar al-Salām.
- al-Jurjāni, A.Q. (2005). *al-Ta'rifāt*, Translated. el-Tigani Mohd el-Amin. Kuala Lumpur: ISTAC IIUM.
- al-Karsāwī, A. (t, th). *Madkhal ilā Nazariyyah al-Ma`rifah* . Takween.
- al-Kurdī, R.A.H. (2004). *Nazariyyah al-Ma`rifah baina al-Qurān wa al-Falsafah*. Riyadh. Maktabah al-Muayyad.
- al-Syāṭibī, A. I. (2013). *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. Vol. II (Beirut: Resalah Publishers).
- Ashaari, M. F., & Sabri, S. H. (2018). *Perbincangan Berkaitan Agama Dan Ketuhanan Dalam Facebook "Warung Atheist" Dari Perspektif Logik Dan Emosi: The Discussion on Religion and God in Facebook "Warung Athiest" from the Logic and Emotional Perspective*. 'Abqari Journal, 15(1), 65-79.
- Basri Husin. (2009). *Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat dan Sumber-Sumber Ilmu dalam Tradisi Islam*. Jurnal Usuluddin, 30, 185-208.
- Demirci, F. (2012). *Socrates: The Prophet Of Life-Long Learning*. Procedia-Social and Behavioral Sciences, 46, 4481-4486.
- Dina Zaman. (2014). *There Are Many of Us, We Just Don't Tell People*. [Online]: <https://www.malaymail.com/news/opinion/2014/06/21/there-are-many-of-us.-we-just-dont-tell-people/691337> (akses pada 1 Mei 2022).
- Fine, G. J. (1979). *Knowledge and Logos in the Theatetus*. The Philosophical Review, 88(3), 366–397. <https://doi.org/10.2307/2184956>
- Fūdah, S. (2012). *Nazariyyah al-Ma`rifah*, <https://www.youtube.com/watch?v=-DnKrt61na8&list=PLjwuo-JGaYViZ3LLJcypWzyZam0EXQExo> .YotuTube. (akses pada 2 Mei 2022)
- MalaysiaKini (2016). *Canada Grants Asylum To Gay, Atheist Malaysian Student*. [Online]: <https://www.malaysiakini.com/news/336677> (akses pada 1 Mei 2022).
- Mohd Zaidi Ismail. (2009). *Faham Ilmu Dalam Islam: Pengamatan Terhadap Tiga Takrifan Utama Ilmu*. AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 10(1), 39-60.
- Mohd Zaidi Ismail. (2016). *Aqal Dalam Islam Satu Tinjauan Epistemologi*. Kuala Lumpur, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mudzakir, M. (2016). *Peran Epistemologi Ilmu Pengetahuan dalam Membangun Peradaban*. Kalimah: Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam, 14(2), 273-296.\

- Muhammad Mumtaz Ali. (1994). *Islam and the Western Philosophy of Knowledge: Reflections on Some Aspects, Contemporary Methodological Issues*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Muhammad Rashidi Wahab. (2018). *Ateisme Satu Penelitian Awal*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Musa, N. A., & Shah, H.A.R. (2020). *Penyebaran Fahaman Bertentangan Akidah Islam Di Media Sosial Dari Perspektif Undang-Undang Dan Syariah Di Malaysia*. Perdana International Journal of Academic Research.
- Nawi, M., Hisham, N., Nawi, M., & Hudani, N. (2020). *Wacana Falsafah Ilmu: Dinamika Dan Perspektif*. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Nizaita Omar. (2006). *Perkembangan Ilmu Perubatan: Sebelum Dan Selepas Kedatangan Islam*. Jurnal Pengajian Umum Bil, 7, 139.
- Nor Syamimi Mohd, Haziya Husin, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, (2016) *Pendefinisian Semula Istilah Tafsir 'Ilmi*. *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 38 (2). pp. 149-154. ISSN 0216-5636
- Qayyim, Ibn. (2010). *Madarij al-Salikin Baina Manazil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in*. Beirut: Resalah Publishers.
- Rāziq, M.A. (2007). *Tamhīd li Tārīkh al-Falsafah al-Islāmiyyah*. Cairo: Dār al-Kitāb al-Miṣrī.
- Ros Aiza Mohd Mokhtar., & Latifah Abdul Latiff. (2022). *Falsafah dan Isu Semasa*. Nilai. USIM Press.
- Rosenthal, F. (2007). *Knowledge Triumphant: The Concept Of Knowledge In Medieval Islam* (Vol. 2). Boston: Brill.
- Rushd, I. (2012). *Faṣl al-Maqāl Fī Mā Baina al-Ḥikmah wa al-Sharī'ah Min al-Ittiṣāl*. Edited M. 'Imara. Cairo: Dār Al-Salām.
- Ṣabrī, M. (2006). *Mawqif al-'Aql wa al-'Ilm wa-al-'Ālam Min Rabb al-'Ālāmīn Wa' Ibādihī Al-Mursalin*, Beirut: Dār al-Āfāq al-'Arabīya.
- Şentürk, R., Açıkgöç, A., Küçükural, Ö., Yamamoto, Q.N., Keskin Aksay, N., Özalkan, S., Asadov, A., Naeem, D., Belkız, E., Faytre, L. and Tai, M., (2020). *Comparative Theories And Methods Between Uniplexity And Multiplexity*. Istanbul. İbn Haldun Üniversitesi Yayınları.
- Shalaby, A. (1986). *al-Fikr al-Islami Mutabi'uhu wa Atharuhu*. Cairo. Nahdet Misr.
- Sīnā, Ibn. (t.th). *al-Ishārāt wa al-Tanbīhāt*, Edited Sulayman Dunya, Cairo. Dār al Ma'ārif.
- Soelaiman, D. A (2019). *Filsafat Ilmu Pengetahuan Perspektif Barat Dan Islam*, Aceh: Bandar Publishing.
- Syahīd, A.H. (2011). "The Emergence and Development of Islamic Sciences: The Establishment of Maqasid Al-Shariah As a Model". *الفكر الإسلامي المعاصر (إسلامية المعرفة)*. سابقا (17) no. 65 2023, 10 تاريخ الوصول مارس 2011, 1 (36-11).
<https://citj.org/index.php/citj/article/view/931>
- Syamsuddin Arif. (2007). *Preserving The Semantic Structure Of Islamic Key Terms And Concepts: Izutsu, al-Attas, and al-Rāghib al-Iṣfahānī*. *Islam & Science*, 5(2).
- 'Uways, A.H. *Bidāyah al-'Ulūm fī al-Islām*. [Online]:
<https://www.alukah.net/social/0/122788/بداية-العلم-في-الإسلام>, (akses pada 2 Julai 2022)
- Yāqūt, M. M. *Manhaj al-Nabi SAW fī Ri'ayah al-Ulum wa al-ma'rifah*. [Online]:
<https://islamonline.net/منهج-النبي-ﷺ-في-رعاية-العلم-والمعرفة>, (akses pada 2 Julai 2022).